

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JULY 2016

Rendahkan status Dr. M

UM-16/7/2016

NILAI 15 Julai - Hasrat Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menubuhkan parti baharu dilihat hanya merendahkan status dan standardnya sebagai seorang negarawan.

Presiden MIC, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu untuk menentang kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipimpinnya sebelum ini hanya akan menyebabkan pencapaian dan sumbangannya akan terpadam dalam sejarah negara.

“Beliau bukan orang biasa,



S. SUBRAMANIAM

beliau merupakan bekas pemimpin negara dan pemimpin UMNO berpuluh tahun dan seorang yang telah mendapat pengiktirafan di pentas dunia sebagai pemimpin unggul dalam negara ini.

“(Hasrat menubuhkan parti itu) perbuatan beliau itu telah turunkan standard beliau dalam masyarakat,” katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai pengumuman Dr. Mahathir semalam mengenai penubuhan parti baharu yang turut dianggotai DAP, PKR dan PAN. - BERNAMA